



28 DEC, 2020

## Tak jejas pengeluaran

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

### ISU PEKEBUN DURIAN MUSANG KING DI RAUB

# Tak jejas pengeluaran

Bernama

Melaka

“Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu terutama jenis Musang King bagi pasaran serta eksport ke luar negara,” kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, ia berikutan terdapat beberapa ladang lain di negara ini yang menanam durian Musang King dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sam-

butan hebat termasuk yang diproses serta disejuk beku.

Katanya, paling penting setiap pekebun durian perlu mengikut prosedur dengan berdaftar dan lulus audit fasiliti serta ladang, selain perlu memperoleh Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan durian dihasilkan berkualiti dan bermutu tinggi.

“Syarat lain iaitu pokok durian yang ditanam adalah di atas tanah pemilikan sendiri atau disewa pajak serta disahkan perjanjian tersebut manakala bagi tanah yang diterokai tidak layak,” katanya selepas melancarkan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Ne-

geri Melaka di sini, semalam.


Pada 23 Disember lalu, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 204 pekebun durian Musang King di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Permohonan itu dibuat selepas kerajaan Pahang mula mengambil tindakan terhadap pekebun yang didakwa mengusahakan kebun durian secara haram di

sekitar Raub pada awal Ogos lalu hingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri, selain isu pencemaran air.

Sementara itu, menurut Ahmad, 44 usahawan mengambil bahagian dalam program Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka yang diadakan dengan usaha sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan pusat beli-belah Mahkota Parade.

“Program ini bertujuan membantu usahawan memulihkan ekonomi mereka yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19,” tambahnya.



ANGGOTA polis mengawal kawasan pekarangan Kompleks Mahkamah Indera Mahkota, Kuantan selepas mahkamah menolak permohonan pekebun haram durian Musang King Raub bagi semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan negeri supaya mengosongkan kebun pada 23 Disember lalu.



28 DEC, 2020

## Tak jejas pengeluaran

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

#### ISU PEKEBUN DURIAN MUSANG KING DI RAUB

Bernama Melaka "Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu terutama jenis Musang King bagi pasaran serta eksport ke luar negara," kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah.